

## **Interaksi sosial dalam hubungan Muslim-Kristian di Kota Kinabalu dan Keningau, Sabah**

### **ABSTRAK**

Masyarakat Sabah sememangnya dikenali dengan sikap toleransi yang tinggi sehingga berupaya mempamerkan suasana hidup damai bersama. Sungguhpun permasalahan hubungan sosial antara agama semakin meruncing atas pelbagai faktor, situasi ini agak berbeza dalam konteks hubungan Muslim dan Kristian di Sabah. Kajian ini bertujuan menjelaskan bagaimana interaksi sosial diterjemahkan dalam bentuk kesefahaman budaya berdasarkan hubungan bersama keluarga dan jiran/rakan beza agama. Berpandukan kajian kuantitatif, sejumlah 234 orang responden terlibat dalam kajian kes di sekitar daerah Kota Kinabalu dan Keningau. Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif melalui jadual silang dengan ujian khi kuasa dua untuk melihat taburan respon bagi pembolehubah agama. Hasil kajian mendapati tahap interaksi sosial penganut antara Muslim dan Kristian di kawasan kajian adalah positif. Kesefahaman budaya antara kedua agama begitu terserlah tidak hanya ketika sambutan majlis keramaian atau perayaan, tetapi juga dilazimi melalui aktiviti seharian. Boleh dikatakan melalui jalinan interaksi inilah yang menyuburkan amalan toleransi dan kesalingfahaman antara pihak beza agama. Nilai kasih sayang yang dibina melalui hubungan kekeluargaan dan kejiwaan menggalakkan interaksi berlaku tanpa batas sehingga perbezaan fahaman antara agama dapat diminimalkan. Kajian ini merumuskan agama tidak seharusnya dilihat hanya sebagai punca dan pencetus konflik, sebaliknya turut berperanan sebagai pencetus semangat hidup bersama.